

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 13 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan doktor atau pengamal perubatan yang berkhidmat dalam negara ini sama ada bilangan tersebut mematuhi piawai antarabangsa untuk memenuhi permintaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada '**HEALTH FACTS 2014**' iaitu sehingga **31 Disember 2013** terdapat lebih kurang **46,916** pengamal perubatan yang berkhidmat di negara ini iaitu di mana **35,219** di sektor awam dan **11,697** di sektor swasta. Berbanding lima tahun yang lalu, iaitu pada tahun 2009, jumlah doktor yang berkhidmat di seluruh negara bertambah 53.6 peratus atau 16,380 orang berbanding 30,536 doktor yang berkhidmat pada tahun tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 29,928 orang Pegawai Perubatan sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagi memastikan tahap perkhidmatan kesihatan yang bermutu tinggi, KKM terus berusaha untuk memastikan agar tenaga pakar dan kemudahan perubatan bertaraf dunia dapat disediakan secara berterusan. Sehingga 31 Disember 2013, nisbah bilangan pengamal perubatan ke pesakit adalah merupakan 1:633. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, nisbah tersebut adalah bertambah baik berbanding 5 tahun sebelumnya iaitu 1:927 Pegawai Perubatan kepada penduduk.

Berdasarkan trend peningkatan graduan perubatan pada masa ini, dijangkakan negara akan mencapai nisbah yang disasarkan 1:400 menjelang tahun 2020. Bagi tujuan menambah bilangan pengamal perubatan, KKM telah mula memastikan agar pengambilan pengamal perubatan untuk latihan pakar telah dinaikkan iaitu mulai tahun 2008 sehingga buat masa ini ialah daripada seramai 450 ke 1,000 yang diambil untuk menjalani latihan kepakaran iaitu kursus sarjana di universiti-universiti tempatan dan di luar negara setiap tahun.

Pada keseluruhannya, KKM akan sentiasa memastikan agar bilangan pengamal perubatan dan pakar di negara ini mencukupi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang mematuhi piawaian antarabangsa untuk memenuhi kehendak rakyat dan juga pesakit yang datang dari luar negara untuk memperolehi rawatan di negara ini dan memastikan agar perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat

adalah berprestasi tinggi dan setaraf dengan tahap antarabangsa. World Health Organization (WHO) dan agensi-agensi lain telah pun mengiktiraf yang perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh Malaysia adalah salah satu yang terbaik di dunia